KEMENTERIAN PENDIDIKAN

# PENTAKSIRAN DIAGNOSTIK AKADEMIK SEKOLAH BERASRAMA PENUH 2024

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA**
**PENDIDIKAN ISLAM** **1223/1**
Kertas 1
Ogos 2025

## PERATURAN PEMARKAHAN

**PENDIDIKAN ISLAM**
**KERTAS 1**

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

**AMARAN**

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Sekolah Berasrama Penuh.** Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa jua bentuk penulisan dan percetakan.

| | | |
|---|---|---|
| NAMA PEMERIKSA | : | |
| NAMA SEKOLAH | : | |
| TANDA TANGAN PENERIMAAN PERATURAN PERMARKAHAN | : | |
| TARIKH | : | |
| COP SEKOLAH | : | |

Peraturan Pemarkahan ini mengandungi **18** halaman bercetak.

<table>
<tr><th colspan="3">NO. SOALAN</th><th>PERATURAN PEMARKAHAN</th><th>MARKAH</th></tr>
<tr><td>1</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Maksud kalimah bergaris:<br>1. Peraturan / ketetapan Allah SWT.<br>2. Pengajaran.</td><td>2 isi x 1m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Kepentingan mengkaji sejarah umat terdahuluSebab kejayaan umat berikut:<br>- Dapat mengenal pasti sebab kejayaan umat terdahulu.<br>- Dapat mengetahui sebab kemusnahan umat terdahulu.<br>- Dapat dijadikan iktibar dalam kehidupa dengan berpegang teguh pada akidah yang benar dan berakhlak mulia.<br><br>Catatan:<br>- Jawapan hendaklah ditulis dalam ayat yang lengkap.</td><td>1 isi x 2m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Jawapan KBAT –<br><br>Sunnatullah berasaskan kepada konsep sebab musabab dan akibat.<br><br>Sebagai seorang murid, bagaimanakah anda dapat menghayati pemahaman penyataan di atas dalam kehidupan?<br><br>RUBRIK JAWAPAN :<br>
<table>
<tr><th>Deskriptor</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Menyatakan satu isi sahaja.</td><td>1 m</td></tr>
<tr><td>Menyatakan isi berserta huraian ringkas.</td><td>2 m</td></tr>
<tr><td>Menyatakan isi berserta huraian yang lengkap yang menyatakan contoh/sebab/akibat/kesan/dalil sokongan dan sebagainya.</td><td>3 m</td></tr>
<tr><td>Menyatakan isi berserta huraian yang lengkap yang menyatakan contoh/sebab/akibat/kesan/dalil sokongan. Kesimpulan/olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4 m</td></tr>
</table>
Cadangan Jawapan:<br>Sebagai seorang murid saya menghayati pernyataan tersebut dengan sentiasa belajar bersungguh-sungguh dalam pelajaran (I-1m). Hal ini demikian dikatakan kerana belajar bersungguh-sungguh akan memudahkan saya untuk memahami sesuatu pelajaran (H-1m). Kesannya saya akan mencapai kejayaan dalam setiap ujian dan peperiksaan (HL-1m). Kesimpulannya, kita hendaklah sentiasa memikirkan sesuatu tindakan dengan bijaksana agar mendapat natijah yang baik selepasnya. (K-1m)</td><td>Isi = 1m<br>Huraian = 1m<br>Huraian Lengkap = 1m<br>Kesimpulan = 1m<br><br>4m</td></tr>
</table>

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | *Cadangan isi:*<br>- Sentiasa patuh kepada peraturan disiplin.<br>- Sentiasa mendengar arahan guru.<br>- Belajar bersungguh-sungguh untuk kejayaan.<br>- Sentiasa muhabasah diri untuk kebaikan. | |
| | (*b*) | (i) | **Dua** tanggungjawab individu selain sebagai pemimpin:<br>- Sebagai seorang suami.<br>- Sebagai seorang isteri.<br>- Sebagai seorang anak.<br>- Sebagai seorang pekerja. | 2 isi x 1m = 2m |
| | | (ii) | **Dua** tanggungjawab sebagai seorang pemimpin:<br>- Berlaku adil dan menghapuskan kezaliman.<br>- Menegakkan syariat Islam dalam kepimpinannya.<br>- Menyusun sistem pentadbiran yang cekap dan amanah.<br>- Menyediakan infrastruktur yang lengkap.<br>- Bersikap toleransi terhadap orang bawahan.<br>***Catatan:***<br>- ***Mana-mana jawapan yang sesuai dan munasabah diterima***<br>- Jawapan hendaklah ditulis dalam **ayat yang lengkap** | 2 isi x 2m = 4m |
| | | (iii) | **Dua** pengajaran hadis :<br>- Kita hendaklah menyedari bahawa setiap individu berperanan sebagai pemimpin *(1m)* yang akan dipertanggungjawabkan di akhirat kelak. *(1m)*<br>- Kita hendaklah menjalankan tanggungjawab terhadap orang yang dipimpin *(1m)* dengan adilnya dan amanah. *(1m)*<br>- Kita hendaklah memelihara dan melindungi anggota keluarga *(1m)* agar selamat di dunia dan di akhirat. *(1m)*<br>- Kita hendaklah bertanggungjawab terhadap segala urusan keluarga dan rumah tangga *(1m)* agar kekal harmoni. *(1m)*<br>- Kita hendaklah sentiasa bersikap amanah dalam pekerjaan *(1m)* supaya rezeki diberkati kepada ibu bapa semasa mereka hidup atau setelah meninggal dunia kerana jasa mereka tidak terbalas. *(1m)*<br>- Kita hendaklah mencontohi sunnah Rasulullah SAW dalam segala aspek kepimpinan *(1m)* kerana baginda ialah contoh ikutan yang terbaik. *(1m)*<br>***Catatan:***<br>***Mana-mana jawapan yang sesuai dan munasabah diterima beserta huraiannya.*** | 2 isi x 2m = 4m<br><br>Isi (1m) + Huraian (1m) = 2m |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | (c) | | Dua jenis *Mad Lazim*:<br>- Mad Lazim Kalimi<br>- Mad Lazim Harfi<br><br>**Catatan:**<br>- Mad lazim kalimi / harfi musaqqal – salah<br>- Mad lazim kalimi / harfi mukhaffaf – salah<br>- Kalimi – betul<br>- Harfi - betul | 2 isi x 1m = 2m |

| NO. SOALAN | | | PERATURAN PEMARKAHAN | MARKAH |
|---|---|---|---|---|
| 2 | (*a*) | (i) | Maksud nama Allah al-Syahid:<br><br>Nama Allah SWT yang menunjukkan bahawa Allah SWT Maha Menyaksikan segala perbuatan dan Mendengar segala ucapan makhluk *(1m)* serta tiada sesuatu pun yang tersembunyi daripada-Nya *(1m)*. | 1 isi x 2m = 2m<br>→ kena ada dua 2x |
| | | (ii) | Bukti Allah SWT bersifat al-Syahid:<br>- Allah SWT menjadi saksi perutusan Rasulullah SAW ke atas umatnya.<br>- Allah SWT Maha Menyaksi dan menghitung segala amal perbuatan manusia.<br>- Allah SWT sahaja yang menjadi saksi atas segala perkara yang nyata atau yang tersembunyi.<br>- Allah SWT menjadi saksi pembohongan orang-orang munafik. | 1 isi x 2m = 2m<br>— Ikut buku teks |
| | | (iii) | Jawapan KBAT – (see below) | Isi = 1m<br>Huraian = 1m<br>Huraian Lengkap = 1m<br>Kesimpulan = 1m<br><br>4m |

(iii) Jawapan KBAT –

> Beriman dengan nama Allah al-Syahid melahirkan rasa takut dalam diri seorang mukmin.

Kemukakan hujah anda untuk menyokong penyataan di atas.

**RUBRIK JAWAPAN :**

| Deskriptor | Skor |
|---|---|
| Menyatakan satu hujah sahaja. | 1 m |
| Menyatakan hujah berserta huraian ringkas. | 2 m |
| Menyatakan hujah berserta huraian yang lengkap yang menyatakan contoh/sebab/akibat/kesan/dalil sokongan dan sebagainya. | 3 m |
| Menyatakan hujah berserta huraian yang lengkap yang menyatakan contoh/sebab/akibat/kesan/dalil sokongan. Kesimpulan/olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4 m |

***Contoh jawapan:***

Menanam sifat keinsafan dan bertanggungjawab dalam diri *(1m)* kerana takut dengan kekuasaan Allah menyaksikan setiap perbuatan kita *(1m)*. Kesannya, manusia akan berhati-hati dalam setiap tindakan *(1m)*. Kesimpulannya, penghayatan terhadap sifat al-Syahid memberi kesan besar dalam membentuk masyarakat yang bertakwa kerana yakin bahawa setiap perbuatan akan dihisab oleh Allah SWT *(1m)*.

***Cadangan isi:***

- Yakin bahawa setiap amal perbuatannya diperhatikan dan akan dihisab di akhirat.
- Sifat takut dalam diri menjadikan mereka lebih berhati-hati dalam setiap tindakan.
- Rasa takut akan membimbing mukmin ke arah ketakwaan.

(*b*) (i) Takrif ajaran sesat: dianggap (✓)

konon (x boleh)

Ajaran yang didakwa sebagai ajaran Islam *(1m)* sedangkan hakikatnya bercanggah dengan al-Quran dan al-Sunah. *(1m)*

hadis (x terima)

1 isi x 2m = 2m

(ii) Jawapan KBAT –

1 isi x 2m = 2m

Isi (1m) + Huraian (1m) = 2m




(a) Ramalkan implikasi fahaman di atas terhadap masyarakat.

**RUBRIK JAWAPAN :**

| Deskriptor | Skor |
|---|---|
| Menyatakan satu isi sahaja. | 1 m |
| Menyatakan isi berserta huraian ringkas. | 2 m |

***Cadangan jawapan*:**

- Berlakunya perpecahan dalam masyarakat *(1m)* kerana berbeza pandangan. *(1m)*
- Menggugat kestabilan negara *(1m)* kerana fanatik dengan fahaman masing-masing.*(1m)*
- Memutuskan hubungan silaturahim *(1m)* kerana masyarakat sering berselisih pendapat. *(1m)*

- ....... Hal ini kerana ..... (✓ 2m)

Jawapan KBAT –

(b) Pada pandangan anda, bagaimanakah cara untuk memelihara iman daripada terpengaruh dengan situasi di atas?

Isi = 1m
Huraian = 1m
Huraian Lengkap = 1m
Kesimpulan = 1m

4m

**RUBRIK JAWAPAN :**

| Deskriptor | Skor |
|---|---|
| Menyatakan satu isi sahaja. | 1 m |
| Menyatakan isi berserta huraian ringkas. | 2 m |
| Menyatakan isi berserta huraian yang lengkap yang menyatakan contoh/sebab/akibat/kesan/dalil sokongan dan sebagainya. | 3 m |
| Menyatakan isi berserta huraian yang lengkap yang menyatakan contoh/sebab/akibat/kesan/dalil sokongan. Kesimpulan/olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4 m |

***Cadangan Jawapan:***

Pada pandangan saya, cara untuk memelihara iman dengan memperkukuhkan asas ilmu akidah dan syariah Islamiah melalui sumber yang sahih (*I-1m*) agar dapat membezakan fahaman yang betul dan salah.(*H-1m*) Sebagai contoh, seorang Muslim yang berilmu akan sentiasa mempertahankan hukum Allah sebagai sesuatu yang mutlak dan berpegang teguh bahawa hanya Islam agama yang benar di sisi-Nya.(*HL-1m*) Kesimpulannya, kita hendaklah berwaspada dan sentiasa mentaati perintah Allah agar iman terjaga. (*K-1m*)

***Cadangan isi:***

- Mendalami ilmu akidah Islam yang betul.
- Bersahabat dengan orang yang soleh/ berilmu.
- Menjauhkan diri daripada perkara sia-sia.
- Mendekatkan diri dengan Allah SWT.
- Berdoa memohon petunjuk dari Allah SWT.

(*c*) (i) Prinsip utama Khawarij yang bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah:

1 isi x 2m = 2m

- Jawatan khalifah atau imam hendaklah diserahkan pemilihannya kepada rakyat (*1m*) untuk memilih sesiapa sahaja daripada kaum muslimin yang layak. (*1m*)
- Mereka menyatakan bahawa Saidina Ali r.a telah melakukan dosa besar serta kufur (*1m*) kerana bersetuju mengadakan Majlis Tahkim. (*1m*)
- Wajib keluar menentang pemimpin atau khalifah yang tidak adil(*1m*) agar hidup bersatu padu. (*1m*)
- Beriktikad bahawa orang yang melakukan maksiat (*1m*) dikira berdosa besar dan kafir. (*1m*)

murtad (x terima)

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | (ii) | Perbezaan pandangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dengan Khawarij berkaitan isu pelaku dosa besar:<br><br>**Ahli Sunnah Wal Jamaah:** Pelaku dosa besar tetap dikira sebagai mukmin bukan kafir / dihukum fasik jika tidak bertaubat.<br><br>**Khawarij:** Pelaku dosa besar dianggap kafir.<br><br>kafir & kafir | 2 isi x 1m = 2m |

<table>
<tr><th colspan="3">NO. SOALAN</th><th>PERATURAN PEMARKAHAN</th><th>MARKAH</th></tr>
<tr><td>3</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Maksud solat sunat duha.<br><br>- Solat sunat yang dilakukan pada waktu antara naik matahari selepas syuruk (1m) hingga sebelum gelincir matahari. (1m)</td><td>1 isi x 2m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Kaifiat menunaikan solat sunat duha.<br>- Niat solat sunat duha. ( nyatakan niat nya )<br>- Bilangan rakaat : 2, 4, 6, atau 8 rakaat. ( kalau 1 nombor stj, salah)<br>- Digalakkan secara bersendirian.<br>- Bacaan dalam solat:<br>  - Rakaat pertama : surah al-Fatihah dan surah al-Syams / surah lain.<br>  - Rakaat kedua : surah al-Fatihah dan surah al-Duha /surah lain.<br>- Menyempurnakan rukun-rukun yang lain sehingga memberi salam.</td><td>2 isi x 1m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Jawapan KBAT –<br><br>Duha ialah cerminan kebersihan jiwa seseorang.<br><br>Hujah bagi menyokong pernyataan.<br><br>RUBRIK JAWAPAN :
<table>
<tr><th>Deskriptor</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Menyatakan satu hujah sahaja.</td><td>1 m</td></tr>
<tr><td>Menyatakan hujah berserta huraian ringkas.</td><td>2 m</td></tr>
<tr><td>Menyatakan hujah berserta huraian yang lengkap yang menyatakan contoh/sebab/akibat/kesan/dalil sokongan dan sebagainya.</td><td>3 m</td></tr>
<tr><td>Menyatakan hujah berserta huraian yang lengkap yang menyatakan contoh/sebab/akibat/kesan/dalil sokongan.<br>Kesimpulan/olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4 m</td></tr>
</table>
<br>Cadangan Jawapan:<br>Melaksanakan solat sunat duha memerlukan semangat dan disiplin yang tinggi dalam diri seseorang. (I-1m) Justeru itu, individu yang istiqamah melakukan solat duha mempunyai jiwa yang bersih dan cintakan ibadah. (H-1m) Kesannya, lahirlah akhlak yang mulia cerminan dari ibadah yang mereka lakukan. (HL-1m) Kesimpulannya, umat Islam sangat digalakkan melakukan solat sunat duha sebagai langkah mencari keredaan Allah SWT. (K-1m)</td><td>Isi = 1m<br>Huraian = 1m<br>Huraian Lengkap = 1m<br>Kesimpulan = 1m<br><br>4m</td></tr>
</table>



Join SPM Study Group
https://spmpaper.me/group

**Cadangan isi:**

- Tanda syukur dan tawaduk.
- Melatih ikhlas dan kesungguhan dalam beribadah.
- Membentuk jiwa yang cintakan Allah.
- Antara ciri orang yang sabar.

(*b*) (i) Maksud rujuk :

- Hak suami untuk menyambung kembali ikatan perkahwinan dengan isteri yang diceraikan dalam tempoh idah.

1 isi x 2m = 2m

(ii) Dua syarat rujuk:

- Dengan kerelaan sendiri.
- Bukan perceraian kerana fasakh atau khuluk.
- Bukan diceraikan dengan talak tiga.
- Isteri yang diceraikan masih dalam tempoh idah.
- Ada lafaz yang menunjukkan rujuk.

2 isi x 1m = 2m

(iii)

> Islam memberikan hak talak dan rujuk kepada suami.

Huraikan hikmah pensyariatan perkara di atas.

Isi = 1m
Huraian = 1m
Huraian Lengkap = 1m
Kesimpulan = 1m

4m

**RUBRIK JAWAPAN :**

| Deskriptor | Skor |
|---|---|
| Menyatakan satu isi sahaja. | 1 m |
| Menyatakan isi berserta huraian ringkas. | 2 m |
| Menyatakan isi berserta huraian yang lengkap yang menyatakan contoh/sebab/akibat/kesan/dalil sokongan dan sebagainya. | 3 m |
| Menyatakan isi berserta huraian yang lengkap yang menyatakan contoh/sebab/akibat/kesan/dalil sokongan. Kesimpulan/olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4 m |

***Cadangan Jawapan:***

Secara umumnya suami lebih bersifat rasional dalam membuat keputusan.(*I-1m*) Berbeza dengan wanita yang lebih cenderung bertindak mengikut emosi.(*H-1m*) Hal ini membolehkan suami membuat keputusan dengan matang dan bertanggungjawab. (*HL-1m*) ~~Maka, adalah munasabah hak untuk menceraikan dan merujuk semula isteri diletakkan di tangan suami sebagai orang yang akan memimpin rumahtangga.~~ (*K-1m*)

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | ***Cadangan isi:***<br>- Suami merupakan ketua keluarga dalam Islam.<br>- Tanggungjawab menafkahi isteri dalam rumahtangga.<br>- Suami bertindak lebih rasional.<br>- Menjaga institusi kekeluargaan daripada berpecah belah.<br>- Mengelakkan talak dan rujuk dijadikan permainan. | |
| | (c) | (i) | Sah – akikah untuk anak lelaki memadai dengan seekor binatang al-An'am / kambing.<br><br>Catatan:<br><br>*Hukum betul, alasan betul = 2m*<br>*Hukum betul, alasan salah = 1m*<br>*Hukum salah, alasan betul = 0m*<br>*Hukum salah, alasan salah = 0m* | 2 x 1m=2m |
| | | (ii) | Sah / Harus – tidak disyaratkan untuk jantina / umur tertentu untuk penyembelih.<br><br>Catatan:<br><br>*Hukum betul, alasan betul = 2m*<br>*Hukum betul, alasan salah = 1m*<br>*Hukum salah, alasan betul = 0m*<br>*Hukum salah, alasan salah = 0m* | 2 x 1m=2m |

| NO. SOALAN | | | PERATURAN PEMARKAHAN | MARKAH |
|---|---|---|---|---|
| 4 | (*a*) | (i) | **Dua** keperibadian Imam Malik r.a:<br>- Mencintai Rasulullah SAW sehingga tidak sanggup menunggang kuda di Madinah kerana menghormati jasad Rasulullah SAW yang dimakamkan di sana.<br>- Menghormati dan mencintai ilmu dengan berpegang teguh pada prinsip murid mencari guru.<br>- Memuliakan majlis pengajian hadis Rasulullah SAW dengan memakai pakaian yang bersih dan wangi-wangian.<br>- Sanggup berkorban harta demi menuntut ilmu. | 1 isi x 2m = 2m |
| | | (ii) | Bukti kesungguhan Imam Malik r.a. dalam menuntut ilmu:<br>- Kesanggupan berpanas terik dan menahan kesejukan demi menuntut ilmu.<br>- Berpegang pada prinsip iaitu seseorang itu tidak akan sampai kepada apa-apa yang dihajati daripada ilmu sehingga dia benar-benar sanggup berkorban dalam apa-apa jua keadaan. | 1 isi x 2m = 2m |
| | | (iii) | Jawapan KBAT – (lihat di bawah) | Isi = 1m<br>Huraian = 1m<br>2m |

Jawapan KBAT –

| Mazhab | Kawasan Sebaran |
|---|---|
| **Hanafi** | Seluruh Asia Tengah dan Eropah |
| **Maliki** | Mesir, Andalus, Tunisia, Afrika |
| **Syafii** | Mesir, Iraq, Syria, Malaysia, Indonesia, China, Pakistan dan India |
| **Hanbali** | Baghdad, Mesir, Najd |

(a) Mengapakah wujud mazhab yang berbeza seperti di atas?

**RUBRIK JAWAPAN :**

| Deskriptor | Skor |
|---|---|
| Menyatakan isi sahaja. | 1 m |
| Menyatakan isi berserta huraian ringkas. | 2 m |

***Cadangan jawapan :***

- Perbezaan masa / tempat / situasi (*1m*) menyebabkan wujudnya amalan dan budaya yang berbeza.(*1m*)
- Wujudnya masalah baharu yang tidak wujud pada zaman sebelumnya (*1m*) sehingga memerlukan kepada ijtihad para imam tersebut. (*1m*)
- Perbezaan hanyalah dalam perkara *furu'* (cabang) (*1m*) yang tidak menjejaskan perkara *usul* (pokok). (*1m*)
- Menggunakan sumber hukum yang berbeza (*1m*) seperti *istihsan*/*istishab*/*istidlal*/amalan penduduk madinah. (*1m*)

(b) Berdasarkan maklumat di atas, bagaimanakah cara mengekalkan keharmonian dalam masyarakat Islam?

**RUBRIK JAWAPAN :**

| Deskriptor | Skor |
|---|---|
| Menyatakan satu isi sahaja. | 1 m |
| Menyatakan isi berserta huraian ringkas. | 2 m |
| Menyatakan isi berserta huraian yang lengkap yang menyatakan contoh/sebab/akibat/kesan/dalil sokongan dan sebagainya. | 3 m |
| Menyatakan isi berserta huraian yang lengkap yang menyatakan contoh/sebab/akibat/kesan/dalil sokongan. Kesimpulan/olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4 m |

***Cadangan jawapan :***

Umat Islam perlu berlapang dada menerima pandangan yang berbeza. (*I-1m*) Hal ini kerana perbezaan hanya wujud dalam perkara furu' sahaja. (*H-1m*) Kesannya, umat Islam dapat merasai nikmatnya perbezaan sebagai satu rahmat bukan yang membawa perpecahan. (*HL-1m*) Kesimpulannya, kita hendaklah memastikan amalan kita bertepatan dengan syariat Islam agar kehidupan dirahmati Allah. (*K-1m*)

***Cadangan isi :***

- Berlapang dada / bersifat terbuka menerima pandangan yang berbeza.
- bertolak ansur dalam mendepani perbezaan.
- mengelakkan fanatik mazhab meraikan kepelbagaian bangsa / adat yang tidak bertentangan dengan hukum syarak.

Isi = 1m
Huraian = 1m
Huraian Lengkap = 1m
Kesimpulan = 1m

4m

---

(*b*) (i) **Dua** riwayat hidup Ahmad bin Ibrahim :

- Nama penuh : Ahmad bin Muhammad Ibrahim
- Tarikh lahir : 15 Mei 1916 — letak tempat tahun (x boleh)
- Tarikh meninggal dunia : 17 April 1999
- Gelaran : Profesor Emiritus Tan Sri Doktor — letak tahun sij (x boleh)
- Pekerjaan : Pensyarah Undang-Undang di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia/Hakim Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Syariah.
- Ketinggian akhlak : Suka menyebarkan ilmu/menjaga etika keadilan ketika mengendalikan kes perbicaraan.
- Tahap pendidikan : *Victoria Bridge School, Singapura/Raffles Institution, Singapura/University of Cambridge.*

2 isi x 1m = 2m

**(ii)** **Dua** hasil karya beliau :

- Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia.
- *Family Law in Malaysia.*
- Jurnal Hukum.
- Sistem Undang-Undang Malaysia.
- *Islamic Law in Malaysia.*

2 isi x 1m = 2m

**(c) (i)** **Dua** khalifah terkenal dalam kerajaan Abbasiyah :

- Abu al-Abbas bin Muhammad bin Ali al-Saffah.
- Abu Ja'afar Abdullah bin Muhammad bin Ali al-Mansur.
- Harun al-Rasyid bin Muhammad al-Mahdi bin al-Mansur al-Abbas.
- Abu Ja'afar Abdullah al-Makmun bin Harun al-Rasyid.

2 isi x 1m = 2m

**(ii)**




Huraikan hujah anda untuk menyangkal dakwaan murid B.

**RUBRIK JAWAPAN :**

| Deskriptor | Skor |
|---|---|
| Menyatakan satu hujah sahaja. | 1 m |
| Menyatakan hujah berserta huraian ringkas. | 2 m |
| Menyatakan hujah berserta huraian yang lengkap yang menyatakan contoh/sebab/akibat/kesan/dalil sokongan dan sebagainya. | 3 m |
| Menyatakan hujah berserta huraian yang lengkap yang menyatakan contoh/sebab/akibat/kesan/dalil sokongan. Kesimpulan/olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4 m |

Isi = 1m
Huraian = 1m
Huraian Lengkap = 1m
Kesimpulan = 1m

4m

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | ***Cadangan jawapan :***<br><br>Kajian-kajian tokoh terdahulu menjadi asas kepada penerokaan ilmu pada masa kini. (*I-1m*) Hal ini kerana, kerajaan Abbasiyah berjaya melahirkan ramai cendekiawan dalam pelbagai bidang ilmu. (*H-1m*) Contohnya, Ibnu Hayyan dikenali sebagai Bapa Kimia dan karyanya diterjemahkan kepada pelbagai bahasa untuk rujukan para saintis. (*HL-1m*) Kesimpulannya, kita hendaklah mempelajari ilmu bersungguh-sungguh dalam agar menjadi umat yang bertamadun. (*K-1m*)<br><br>***Cadangan isi :***<br><br>- Pemerintahan yang menyeimbangkan ukhrawi dan duniawi sesuai diamalkan sepanjang zaman.<br>- Aktiviti penterjemahan menjadikan perkembangan ilmu zaman berzaman. | |

<table>
<tr><th colspan="3">NO. SOALAN</th><th>PERATURAN PEMARKAHAN</th><th>MARKAH</th></tr>
<tr><td>5</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Maksud khauf:<br><br>Takut kepada kemurkaan dan azab Allah SWT (1m) dengan menjauhi segala larangannya. (1m)</td><td>1 isi x 2m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Contoh khauf dan raja' yang diamalkan oleh Rasullullah SAW:<br>- Rasullullah SAW mendirikan solat sunat gerhana matahari dengan khusyuk. (1m) Pada sujud terakhir, baginda menangis kerana berasa takut Allah SWT menurunkan azab. (1m)<br>- Rasullullah SAW menziarahi seorang lelaki yang sedang terlantar. Rasullullah SAW bertanya tentang perasaan pada ketika itu. (1m) Lelaki itu memberitahu baginda bahawa dia sangat mengharapkan rahmat Allah SWT dan berasa sangat takut akan dosa-dosa yang pernah dilakukan. (1m)</td><td>2 isi x 2m = 4m<br><br>Isi (1m) + Huraian (1m) = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Jawapan KBAT –<br><br>Bagaimanakah sifat khauf dapat mencegah masalah di atas? Huraikan.<br><br>RUBRIK JAWAPAN :
<table>
<tr><th>Deskriptor</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Menyatakan satu isi sahaja.</td><td>1 m</td></tr>
<tr><td>Menyatakan isi berserta huraian ringkas.</td><td>2 m</td></tr>
<tr><td>Menyatakan isi berserta huraian yang lengkap yang menyatakan contoh/sebab/akibat/kesan/dalil sokongan dan sebagainya.</td><td>3 m</td></tr>
<tr><td>Menyatakan isi berserta huraian yang lengkap yang menyatakan contoh/sebab/akibat/kesan/dalil sokongan. Kesimpulan/olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4 m</td></tr>
</table>
<br>Cadangan jawapan:<br>Lahirnya perasaan takut kepada azab Allah SWT. (I-1m) Hal ini kerana setiap perbuatan yang dilakukan akan dihisab dan akan mendapat balasan daripada Allah SWT. (H-1m) Kesannya, kehidupan seseorang itu akan menjadi tenang dan bahagia. (HL-1m) Kesimpulannya, kita hendaklah sentiasa bertaubat kepada Allah SWT supaya dosa-dosa kita diampunkan. (K-1m)</td><td>Isi = 1m<br>Huraian = 1m<br>Huraian Lengkap = 1m<br>Kesimpulan = 1m<br><br>4m</td></tr>
</table>

*Cadangan isi:*

- Perasaan takut kepada azab Allah SWT.
- Menjaga hubungan dengan Allah dan manusia.
- Lahir sikap menghindari dosa dan kezaliman.
- Memupuk sifat belas kasihan.
- Membentuk akhlak mulia.
- Dapat mengawal emosi dan nafsu.

5 (*b*) (i)

**Dua** adab menjaga alam sekitar:

*2 isi x 1m = 2m*

- Sentiasa mengekalkan ekonomi kehidupan flora dan fauna.
- Sentiasa memelihara dan memulihara alam sekitar dengan tidak melakukan sebarang kerosakan.
- Sentiasa mengekalkan keceriaan dan kebersihan alam sekitar.
- Sentiasa menjaga kelastarian.
- Sentiasa mengekalkan cara hidup yang mesra alam.
- Sentiasa berhemah dan tidak membazir menggunakan sumber air.

– Munasabah diterima

(ii)

Jawapan KBAT –

*Isi (1m) + Huraian (1m) = 2m*

Penularan wabak penyakit berjangkit semakin meningkat.

(a) Huraikan bagaimanakah gaya hidup pada hari ini boleh menyumbang kepada situasi di atas?

**RUBRIK JAWAPAN :**

| Deskriptor | Skor |
|---|---|
| Menyatakan satu bukti sahaja. | 1 m |
| Menyatakan bukti berserta huraian ringkas. | 2 m |

*Cadangan jawapan:*

- Pencemaran alam sekitar akibat pembangunan (*I-1m*) Hal ini kerana bahan bahan binaan dibuang di tempat yang tidak sesuai (*H-1m*)

*Cadangan isi:*

- Tempat tinggal di kawasan padat dan tertutup.
- Amalan pemakanan dan gaya hidup tidak sihat.
- Masyarakat mengabaikan penjagaan asas kesihatan.
- Masyarakat kurang menjalankan aktiviti fizikal dan mengasingkan diri.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | Jawapan KBAT –<br><br>(b) Berdasarkan pernyataan di atas, cadangkan langkah pencegahan yang sesuai.<br><br>**RUBRIK JAWAPAN :** | |

| Deskriptor | Skor |
|---|---|
| Menyatakan satu bukti sahaja. | 1 m |
| Menyatakan bukti berserta huraian ringkas. | 2 m |
| Menyatakan bukti berserta huraian yang lengkap yang menyatakan contoh/sebab/akibat/kesan/dalil sokongan dan sebagainya. | 3 m |
| Menyatakan bukti berserta huraian yang lengkap yang menyatakan contoh/sebab/akibat/kesan/dalil sokongan. Kesimpulan/olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4 m |

Isi = 1m
Huraian = 1m
Huraian Lengkap = 1m
Kesimpulan = 1m

4m

***Cadangan jawapan:***

Langkah pencegahan yang sesuai ialah menjaga kebersihan diri dan persekitaran. *(I-1m)* Hal ini kerana Islam sangat menekankan kebersihan adalah sebahagian daripada Iman. *(H-1m)* Contohnya, mandi dan membasuh tangan dengan kerap. *(HL-1m)* Kesimpulannya, kita hendaklah sentiasa mengamalkan kehidupan yang bersih agar kehidupan menjadi tenang. *(K-1m)*

***Cadangan isi:***

- Menjaga kebersihan diri dan persekitaran.
- Mengamalkan gaya hidup sihat.
- Menjauhi tempat berlakunya wabak.
- Menutup mulut dan hidung ketika bersin atau batuk.
- Berdoa dan bertawakal kepada Allah SWT.
- Mendapatkan rawatan dan tidak menyebarkan penyakit.

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 5 | (c) | | **Dua** adab terhadap orang sakit dari aspek ibadat.<br>- Mendoakan kesihatan mereka *(1m)* agar mereka boleh menjalankan aktiviti harian dengan baik. *(1m)*<br>- Membantu mereka yang ingin melakukan ibadat *(1m)* supaya dapat dilaksanakan dengan sempurna. *(1m)* | |

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**